



## Faktor pembentukan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia: Kajian empirikal wanita bumiputera di Melaka

Nor Azira Ayob<sup>1</sup>, Sity Daud<sup>1</sup>, Muhamad Takiyuddin Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Correspondence: Nor Azira Ayob (email: zira2212@yahoo.com)

### Abstrak

Dalam bidang keusahawanan, wanita seringkali dilihat sebagai golongan yang kurang berpotensi untuk mencapai kejayaan berbanding golongan lelaki. Justeru, peranan kerajaan bagi membangunkan potensi usahawan wanita terus diperkukuh, terutamanya dari sudut pembangunan modal insan dan daya saing. Walaupun pelbagai bentuk usaha telah dilaksanakan, namun, hasil daripada usaha tersebut masih belum mampu mencapai tahap yang optimum. Kajian ini meneliti faktor-faktor yang membentuk modal insan dan daya saing dalam diri usahawan wanita Bumiputera serta faktor yang paling mempengaruhi kejayaan pengusaha wanita yang berdaftar dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di negeri Melaka. Data primer didapati daripada temubual berstruktur dengan lapan informan utama dan pengedaran 284 soal selidik yang diproses dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 22. Hasil analisis faktor mendapati empat faktor utama yang membentuk modal insan dalam diri usahawan wanita iaitu faktor pendidikan dan latihan; pengalaman perniagaan, sokongan sosial dan kreativiti, manakala bagi aspek daya saing, terdapat tiga faktor utama iaitu bantuan kewangan, iltizam perniagaan, prasarana dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keseluruhan faktor tersebut, hasil analisis kajian mendapati bahawa faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan wanita adalah faktor prasarana diikuti faktor pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan kreativiti.

**Katakunci:** analisis faktor, daya saing, faktor kejayaan, keusahawanan, modal insan, usahawan wanita bumiputera

## The formation factors of human capital and competitiveness of Malaysian women entrepreneurs: An empirical study of indigenous women entrepreneurs in Melaka

### Abstract

In field of entrepreneurship women generally seem to have less potential to succeed compared to men. Thus, the role of government is to develop women entrepreneurs' potential especially in developing their human capital and competitiveness. In Malaysia despite the efforts taken the result has not been very encouraging. This study analysed the factors influencing human capital development and competitiveness among indigenous (Bumiputera) women registered with MARA in the state of Melaka. Primary data were collected from structured interviews of eight key informants and the returns of 284 questionnaires, and processed with the SPSS software version 22. The factor analysis found that four factors influenced the entrepreneurs' human capital development, namely, education and training, business experience, social support and creativity, while three factors contributed to the fostering of entrepreneurial competitiveness, namely, social support, business commitment and facilities and infrastructure. The multiple regression test results showed that the dominant success factors were infrastructure and facilities followed by education and training, business experience, social support and creativity.

**Keywords:** *bumiputera* women entrepreneurs, competitiveness, entrepreneurship, factor analysis, human capital, success factors

## Pengenalan

Keusahawanan merupakan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu cekap dalam mencari, mengenal dan merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi untuk faedah ekonomi dan keuntungan. Justeru, keusahawanan menjadi faktor penting bagi pertumbuhan ekonomi dengan penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing dengan mempunyai usahawan yang mampu menggerakkan segala aktiviti keusahawanan. Suraiya & Ahmad Rafli (2015) menyatakan usahawan merupakan pengasas perniagaan dan sebagai individu yang melakukan inovasi, iaitu kegiatan atau usaha yang membawa perubahan kepada pembangunan ekonomi di samping proaktif, inovatif dan pengambilan risiko serta mempunyai kebolehan untuk melihat, mengawal, merebut dan mewujudkan peluang baharu dengan kesediaan menghadapi kemungkinan risiko atau kerugian.

Menyedari kepentingan aktiviti keusahawanan, kerajaan Malaysia telah memberi tumpuan kepada pembangunan dan aktiviti keusahawanan dengan melibatkan pelbagai kementerian dan institusi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama institusi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, SME Bank dan sebagainya.

Walaupun berlaku peningkatan dalam pembangunan keusahawanan dalam kalangan pengusaha wanita, bagaimanapun masih tidak mampu untuk menyaingi pengusaha lelaki yang mana pengusaha wanita adalah sebanyak 13.1 peratus sahaja berbanding pengusaha lelaki iaitu sebanyak 25.7 peratus (Jabatan perangkaan Malaysia, 2014). Kesungguhan kerajaan dalam membantu pengusaha wanita direalisasikan dengan penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing. Dengan penekanan kepada aspek modal insan dan daya saing dalam aktiviti keusahawanan, berkemampuan melahirkan insan yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran dan mampu meningkatkan nilai tambahan seseorang pengusaha.

Kesinambungan daripada itu, aspek modal insan dan daya saing adalah perlu. Modal insan seseorang dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan, pengalaman, sokongan keluarga di samping aspek kreativiti serta daya saing pengusaha dapat ditingkatkan dengan bantuan pihak kerajaan dan institusi melalui bantuan kewangan dan bukan kewangan seiring dengan sikap pengusaha itu sendiri. Justeru, artikel ini membincangkan pembentukan faktor-faktor modal insan dan daya saing dan faktor yang paling mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Bumiputera.

## Modal insan dan daya saing

Shultz (1960) menonjolkan istilah insan sebagai jati diri manusia itu sendiri dan ia dianggap sebagai modal kerana ia merupakan sumber kepuasan dan pulangan keuntungan akan datang. Modal insan merupakan kemahiran atau bakat yang dimiliki oleh seseorang manakala, pembangunan insan membawa maksud memperkasakan insan sebagai individu. Bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi kualiti seseorang yang boleh ditambah baik melalui pelaburan dari aspek pendidikan dan latihan, pengalaman yang dimiliki, daya kreativiti serta sokongan yang diperoleh yang bukan sahaja dapat memberi kesan positif kepada dirinya malahan terhadap organisasi, majikan serta pasaran ekonomi (Becker, 1964).

Kajian terdahulu mendapati terdapat hubungan yang positif antara pencapaian modal insan seseorang dengan tingkat pendapatan dan kejayaan seseorang (Rahmah, 2012; Norain & Nooriah, 2012; Rosman & Mohd Rosli, 2011; Hansen & Knowles, 1997; Barro & Lee, 1996; Pritchett, 1996). Dalam pembangunan modal insan, pendidikan dan latihan dapat meningkatkan produktiviti pekerja dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Menurut (Schultz, 1960; Becker, 1964; Rahmah, 2012), segala perbelanjaan yang dikeluarkan bagi tujuan pendidikan dan latihan dianggap sebagai pelaburan terhadap pembangunan insan dan mampu meningkatkan produktiviti individu serta upahnya. Bruwer & Haydam (1996), Hewlett (2002), Fernandez et al. (2000) dan Ishak (2003) turut menjelaskan bahawa pelaburan perbelanjaan ke atas pendidikan formal, latihan semasa bekerja mampu meningkatkan kualiti seseorang. Kesan sesuatu pelaburan modal insan tersebut dapat mempengaruhi prestasi sesebuah perusahaan

khususnya dari segi peningkatan produktiviti dan keuntungan perniagaan (Garcia, 2005; Nedrum & Eriksson, 2001; Fernandez et al., 2000). Di samping itu, pembentukan modal insan juga boleh memberi kesan positif kepada masyarakat dari segi kesan limpahan ilmu pengetahuan yang mewujudkan kesan luaran positif kepada penduduk sesebuah negara (Katz & Murphy, 1992; Lynch, 1991).

Selain itu, faktor pengalaman dan sokongan sosial daripada keluarga terdekat merupakan faktor yang mempunyai hubungan positif dengan prestasi perusahaan (Rosman & Mohd Rosli, 2011; Noor Zalika, 2013). Norashidah et al. (2009), Rahmah (2012), Coulter (2003) dan Van Loo dan Rocco (2004) turut menyatakan bahawa faktor pengalaman dan sokongan sosial mempunyai hubungan yang positif dengan tingkat kejayaan seseorang. Raduan et al. (2006) menyatakan bahawa terdapat hubungan positif antara faktor kejayaan hasil daripada sokongan keluarga sama ada berbentuk kewangan, bukan kewangan, sokongan tenaga atau moral daripada ahli keluarga terdekat. Fairlie & Robb (2007) turut bersependapat kurangnya sokongan daripada ahli keluarga terdekat dalam perusahaan turut mempengaruhi prestasi perusahaan yang diusahakan.

Di samping itu, aspek kreativiti diperlukan terutamanya dalam bidang perniagaan. Kecekapan dan kemahiran diperlukan oleh seseorang pengusaha bagi memastikan perusahaan yang dijalankan itu mencapai kejayaan dan memberi kepuasan kepada para pelanggan. Mohd Nor Hakim & Mohd Rafi (2010), Mohd Nor Hidayat (2011) dan Wirtz & Lovelock (2012) menyatakan bahawa kreativiti seseorang pengusaha merupakan satu proses dan aktiviti yang berhubungan dengan proses menciptakan sesuatu yang baharu (produk atau perkhidmatan) dan mampu memberi kepuasan kepada pelanggan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan tersebut. Oleh yang demikian, penekanan terhadap faktor-faktor modal insan ini adalah penting yang mana seorang pengusaha tidak akan berjaya sekiranya hanya berlandaskan kepada bakat semata-mata. Selain modal insan, aspek daya saing penting bagi pembangunan usahawan. Penekanan terhadap faktor daya saing adalah dilihat penting dalam memastikan pengusaha mampu bersaing serta mampu memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan (Wirtz & Lovelock, 2012). Sehubungan dengan itu, daya saing diperlukan bagi memupuk sikap keusahawanan dalam diri individu dan seterusnya akan dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya. Peranan pihak kerajaan penting dalam meningkatkan daya saing pengusaha di samping sikap pengusaha itu sendiri dalam merebut peluang dan menggunakan peluang tersebut dengan sebaiknya. Menurut Yahya & Norsiah (2006), kelahiran seseorang usahawan adalah perlu diberi perhatian dan dipupuk agar dapat terus memperoleh peluang, bersaing, mengembangkan perniagaan dan seterusnya mampu membuka peluang pekerjaan kepada mereka yang lain. Peranan kerajaan dan institusi dalam pembangunan usahawan sangat dipentingkan. Ia adalah bagi melengkapkan seseorang pengusaha itu untuk menghadapi persaingan dalam pasaran dan mampu meneruskan perusahaan yang diusahakan.

Oleh yang demikian, faktor modal insan dan daya saing adalah dilihat sebagai faktor yang penting dalam menyumbang kepada peningkatan prestasi dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan usahawan.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk penerokaan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Seramai 8 orang responden yang terdiri daripada 5 orang usahawan wanita dan juga 3 orang pegawai di MARA ditemu bual. Temu bual terhadap 8 informan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan mereka dan hasil temu bual tersebut kemudiannya membentuk tema dalam membina instrumen kajian yang akan digunakan pada pendekatan kuantitatif. Dalam membentuk instrumen kajian bagi pendekatan kuantitatif, selain daripada hasil temubual, maklumat pembentukan instrumen juga diambil berdasarkan kepada analisis terhadap ulasan karya. Berdasarkan keseluruhan maklumat tersebut, sebanyak 28 item telah dibina dalam menentukan faktor yang dominan dalam menyumbang kepada pembentukan modal insan dan daya saing dalam kalangan usahawan wanita Bumiputera. Instrumen ini kemudiannya melalui proses kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk serta penilaian kebolehpercayaan dengan nilai alfa cronbach

(.882) dan (.728) masing-masing bagi modal insan dan daya saing yang menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan memuaskan.

Soal selidik terdiri daripada beberapa bahagian seperti maklumat peribadi dan juga maklumat berkenaan perusahaan yang dijalankan oleh responden. Bagi instrumen pembentukan modal insan dan daya saing, pengukuran dibuat dengan menggunakan skala likert berskala 5 di mana nilai 1 adalah (sangat tidak bersetuju) dan 5 (sangat bersetuju). Senarai nama responden diperoleh daripada MARA negeri Melaka. Soal selidik ini kemudiannya diedarkan kepada 180 orang usahawan wanita yang berdaftar dan sebanyak 145 soal selidik telah dikembalikan. Jumlah tersebut dilihat boleh diterima dan bersesuaian untuk dilaksanakan ujian analisis faktor penerokaan (Chua, 2014).

Seterusnya, bagi mengetahui faktor yang paling mempengaruhi terhadap prestasi pengusaha wanita Bumiputera di Negeri Melaka, ujian regresi pelbagai dilakukan setelah proses analisis faktor dilaksanakan. Hasil analisis faktor membentuk instrumen baru yang kemudiannya turut melalui proses kesahan muka dan kesahan kandungan serta penilaian kebolehpercayaan dengan nilai alfa cronbach (.755) bagi modal insan dan (.737) bagi daya saing yang menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan memuaskan. Soal selidik ini kemudiannya diedarkan kepada 300 orang usahawan wanita yang berdaftar dan hanya 284 soal selidik telah dikembalikan. Jumlah tersebut dilihat boleh diterima mewakili jumlah populasi seramai 686 orang usahawan wanita Bumiputera yang berdaftar. Carlson & Hyde (2003) menyatakan jumlah sampel 267 dan ke atas adalah memadai dalam kajian sains sosial dan penentuan saiz sampel kajian oleh Krejcie & Morgan (1970) adalah diguna pakai oleh pengkaji dalam penentuan reka bentuk dan saiz sampel kajian.


## Dapatan kajian

Dalam melaksanakan analisis faktor penerokaan bagi pemboleh ubah modal insan, ujian normaliti dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan taburan data yang diperoleh adalah bertaburan normal. Ujian KMO dan Bartlett juga turut dilaksanakan bagi memastikan data yang diperoleh adalah sesuai untuk melaksanakan analisis faktor penerokaan. Jadual 1 berikut menunjukkan nilai skewness dan kurtosis bagi ujian normaliti bersama-sama nilai KMO dan ujian Bartlett.

**Jadual 1. Ujian Normaliti, KMO dan Bartlett untuk pemboleh ubah modal insan**

	Ujian	Nilai
Normaliti	Skewness	-.095
	Kurtosis	.194
	Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	.560
	Bartlett's test	.000

Merujuk kepada Jadual 1 tersebut menunjukkan nilai skewness dan kurtosis berada di dalam lingkungan  $\pm 1.96$  yang menunjukkan data tertabur secara normal dan tidak melebihi lingkungan  $\pm 1.96$ . Selain itu, nilai ujian KMO juga menunjukkan nilai .560 dan melebihi .50 serta sesuai untuk analisis faktor. Di samping itu, ujian Bartlett turut menunjukkan nilai yang signifikan di mana  $p < .05$  yang membawa maksud nilai korelasi antara item mencukupi untuk dilaksanakan analisis faktor penerokaan (Chua 2012). Berdasarkan kepada hasil ujian analisis faktor penerokaan, menunjukkan bahawa terdapat 4 faktor pendam yang membentuk kepada konstruk modal insan dalam diri usahawan wanita berdasarkan Rajah 1 scree plot.



**Rajah 1.** *Scree Plot Modal Insan*

Pemilihan 4 faktor ini adalah berdasarkan kepada graf scree plot yang menunjukkan bahawa terdapat empat faktor utama yang membentuk kepada konstruk modal insan.

**Jadual 2. Analisis faktor penerokaan faktor modal insan berdasarkan *Rotated Component Matrix***

No.	Item	Pendidikan dan Latihan	Pengalaman Perniagaan	Sokongan Sosial	Kreativiti
1.	Saya sering membaca bahan-bahan berkaitan keusahawanan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam perniagaan.	.831			
2.	Pendidikan yang tinggi dalam bidang keusahawanan akan meningkatkan kejayaan usahawan.	.728			
3.	Program latihan yang diikuti telah memberi kesan positif ke atas produktiviti perniagaan.	.886			
4.	Latihan tentang teknik-teknik pemasaran mampu meningkatkan prestasi perusahaan.	.876			
5.	Saya lebih berkeyakinan untuk menjalankan perusahaan yang diusahakan dengan adanya pendidikan berkaitan keusahawanan.	.868			
6.	Kejayaan perusahaan yang diusahakan adalah dipengaruhi oleh faktor latihan.	.610			
7.	Saya mempunyai pengalaman berkaitan aktiviti keusahawanan.		.819		
8.	Pengalaman dalam perniagaan yang saya miliki memudahkan saya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.		.791		
9.	Saya mempunyai pengalaman yang khusus dengan bidang perniagaan yang diceburi.		.752		
10.	Pengalaman sepanjang menjalankan perusahaan mampu membantu meningkatkan keyakinan diri dalam menguruskan perniagaan.		.707		
11.	Saya mempunyai pengalaman berniaga sebelum melibatkan diri dalam perusahaan.		.827		
12.	Sokongan daripada pihak keluarga terdekat meningkatkan lagi semangat saya dalam mengembangkan perniagaan.			.802	
13.	Saya mendapat sokongan moral dari ahli keluarga terdekat.			.845	
14.	Saya mendapat kepercayaan daripada semua ahli keluarga.			.854	
15.	Sokongan moral merupakan faktor yang sangat penting untuk kelangsungan perusahaan yang diusahakan.			.720	
16.	Program latihan adalah penting untuk meningkatkan kreativiti bagi mengembangkan perusahaan yang dijalankan.				.814
17.	Kreativiti dalam perniagaan diperlukan bagi meningkatkan inovasi produk/perkhidmatan dalam perniagaan.				.816
	<i>Eigenvalue</i>	4.74	3.58	3.00	1.41
	<i>% of Variance</i>	27.91	21.04	17.68	8.28
	<i>Alfa Cronbach</i>	.891	.839	.841	.653


Merujuk kepada Jadual 2 tersebut, terdapat 17 item yang membentuk konstruk modal insan dalam diri usahawan wanita Bumiputera dan menyumbang kepada 75 peratus perubahan varians terhadap pembentukan modal insan dalam diri usahawan. Daripada 4 faktor tersebut, faktor pendidikan dan latihan merupakan faktor yang paling dominan dalam menyumbang kepada pembentukan modal insan dalam diri usahawan wanita iaitu dengan perubahan varians sebanyak 27.91 peratus diikuti dengan faktor pengalaman perniagaan yang menyumbang sebanyak 21.04 peratus, faktor sokongan sosial membawa perubahan varians sebanyak 17.68 peratus dan faktor kreativiti memberikan perubahan varians terhadap pembentukan modal insan yang paling kecil iaitu sebanyak 8.28 peratus.

Justeru, usaha untuk membentuk modal insan dalam diri usahawan wanita Bumiputera perlu kepada penekanan terhadap 4 faktor utama tersebut iaitu pendidikan dan latihan terhadap usahawan, memberikan peluang kepada usahawan untuk terus menimba pengalaman dalam perniagaan, memberikan sokongan sosial kepada setiap usahawan yang menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya mengasah bakat dan kreativiti setiap usahawan dalam meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan terhadap perusahaan yang dijalankan. Seterusnya, faktor yang membentuk kepada daya saing dalam diri pengusaha juga dilihat menggunakan analisis faktor penerokaan dan proses adalah sebagaimana yang telah dilakukan pada pemboleh ubah modal insan. Jadual 3 menunjukkan nilai ujian normaliti, KMO dan ujian Bartlett.

**Jadual 3. Ujian Normaliti, KMO dan Bartlett untuk pemboleh ubah daya saing**

Ujian		Nilai
Normaliti	Skewness	.085
	Kurtosis	.062
Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)		.706
Bartlett's test		.000

Merujuk kepada Jadual 3 tersebut, nilai skewness dan kurtosis dilihat berada dalam lingkungan  $\pm 1.96$  dan menunjukkan bahawa data bertaburan secara normal. Ujian KMO memberikan nilai yang tinggi iaitu bersamaan .706 dan sesuai untuk analisis faktor sementara, ujian Bartlett turut menunjukkan nilai yang signifikan di mana nilai  $p < .05$ . Berdasarkan ujian yang dijalankan menunjukkan data adalah sesuai dianalisis menggunakan analisis faktor penerokaan berdasarkan 3 faktor merujuk kepada graf scree plot daya saing dalam Rajah 2. Hasil daripada *rotation component matrix*, menghasilkan 3 faktor pendam yang membentuk kepada konstruk daya saing yang berasaskan kepada 21 item. Jadual 4 menunjukkan tema yang digunakan, senarai item-item yang membentuk setiap faktor, nilai muatan faktor, nilai peratusan perubahan varians, *eigenvalue* dan nilai kebolehpercayaan item tersebut.



**Rajah 2. Scree plot daya saing**

**Jadual 4. Analisis faktor penerokaan faktor daya saing berdasarkan *Rotated Component Matrix***

No.	Item	Bantuan Kewangan	Iltizam Perniagaan	Prasarana dan Infrastruktur
1.	Bantuan kewangan merupakan aspek utama yang diperlukan oleh pengusaha untuk berjaya.	.841		
2.	Bantuan kewangan permulaan yang mencukupi untuk memulakan perniagaan adalah amat penting bagi meningkatkan daya saing pengusaha.	.928		
3.	Bantuan kewangan tambahan adalah perlu untuk mengembangkan perniagaan yang sedang diusahakan	.881		
4.	Bantuan kewangan yang berterusan mampu meningkatkan daya saing pengusaha..	.892		
5.	Tanpa bantuan kewangan daripada pihak kerajaan akan menjadikan saya tidak mampu untuk bersaing.	.428		
6.	Pihak kerajaan (MARA) mudah memberi bantuan modal permulaan atau bantuan kewangan untuk urusan mengembangkan perniagaan dan perusahaan.	.890		
7.	Saya menggunakan modal sendiri untuk mengembangkan perniagaan atau perusahaan yang dijalankan.	.825		
8.	Produk atau perkhidmatan yang saya tawarkan mendapat permintaan yang lebih tinggi daripada ramai pengguna/pelanggan.		.442	
9.	Saya sentiasa berusaha memberi layanan yang terbaik untuk memenangi hati pengguna/ pelanggan.		.723	
10.	Saya amat mementingkan kepuasan pengguna/pelanggan terhadap barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan.		.621	
11.	Kos yang dikenakan terhadap pengguna/pelanggan saya adalah berpatutan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.		.672	
12.	Produk/perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa diperbaharui untuk memenuhi kehendak pengguna/pelanggan.		.653	
13.	Saya mempunyai sifat amanah yang tinggi terhadap semua pihak (diri sendiri, perniagaan dan pengguna/pelanggan).		.568	
14.	Saya menggunakan modal yang diberikan untuk tujuan perniagaan sahaja.		.564	
15.	Saya sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima maklum balas (cadangan, teguran atau kritikan) terhadap perniagaan saya.		.590	
16.	Saya sering memperuntukkan masa lebih daripada 8 jam sehari di premis/tempat perniagaan.		.696	
17.	Saya mempunyai semangat (keazaman, kesungguhan dan ketekunan) yang tinggi dalam menghadapi cabaran atau kegagalan.		.657	
18.	Kemudahan premis perniagaan yang disediakan oleh agensi kerajaan (MARA) mampu meningkatkan daya saing.			.834
19.	Kemudahan pengangkutan yang diberikan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.			.523
20.	Bantuan prasarana secara berterusan diberikan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.			.530
21.	Bantuan prasarana yang diberikan dapat meningkatkan motivasi dalam meneruskan perusahaan yang dijalankan agar berdaya saing.			.716
	<i>Eigenvalue</i>	6.071	4.005	2.167
	<i>% of Variance</i>	28.91	19.07	10.32
	<i>Alfa Cronbach</i>	.924	.726	.582



Jadual 4 tersebut menunjukkan item-item yang mewakili setiap faktor iaitu faktor bantuan kewangan, faktor iltizam perniagaan serta faktor prasarana dan infrastruktur. Hasil daripada analisis faktor, ketiga-tiga faktor yang diperoleh tersebut secara keseluruhannya menyumbang sebanyak 58.3 peratus. Daripada ketiga-tiga faktor tersebut, faktor bantuan kewangan merupakan faktor yang paling dominan dalam menyumbang kepada pembentukan daya saing dalam diri usahawan wanita iaitu dengan perubahan varians sebanyak 28.91 peratus. Seterusnya diikuti dengan faktor iltizam perniagaan yang menyumbang sebanyak 19.07 peratus dan seterusnya faktor prasarana dan infrastruktur yang memberikan perubahan varians sebanyak 10.32 peratus terhadap pembentukan daya saing. Hasil daripada analisis faktor ini dapat dinyatakan bahawa bagi meningkatkan daya saing dalam diri pengusaha, perlu kepada penekanan terhadap tiga faktor utama tersebut agar mereka lebih berdaya saing.

Setelah mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk konstruk untuk modal insan dan daya saing, objektif seterusnya ialah untuk melihat samada modal insan dan daya saing serta faktor-faktor yang membentuk konstruk modal insan dan daya saing tersebut mampu untuk mempengaruhi kejayaan pengusaha. Oleh itu, dalam melihat kepada pengaruh aspek-aspek tersebut terhadap kejayaan usahawan wanita, analisis regresi pelbagai dilaksanakan. Analisis ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan yang diperoleh daripada 284 orang responden dalam kalangan usahawan wanita Bumiputera.

Ujian normaliti terhadap dapatan data dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan data adalah bertaburan normal. Jadual 5 berikut menunjukkan nilai skewness dan kurtosis bagi setiap pemboleh ubah serta dimensi-dimensi yang membentuk kepada konstruk pemboleh ubah tersebut berdasarkan data yang diperoleh. Berdasarkan jadual, semua nilai skewness dan kurtosis menunjukkan bahawa taburan data berada di dalam lingkungan  $\pm 1.96$  dan membolehkan data tersebut di analisa menggunakan ujian analisis regresi pelbagai.

**Jadual 5. Ujian normaliti terhadap pembolehubah**

Pembolehubah	Dimensi/faktor	Skewness	Kurtosis
Modal Insan		-.860	.398
	Pendidikan dan Latihan	-1.177	1.861
	Pengalaman Perniagaan	-1.201	1.742
	Sokongan Sosial	-.609	.328
	Kreativiti	-1.012	1.001
Daya Saing		-.603	.603
	Bantuan kewangan	-.962	1.068
	Iltizam Perniagaan	-.652	.488
	Prasarana dan Infrastruktur	-1.316	1.376
Kejayaan Usahawan Wanita		.445	-.967

Ujian regresi pelbagai dilaksanakan terhadap data yang diperoleh daripada responden bagi memenuhi objektif kajian yang kedua. Kaedah *step-wise* digunakan dalam menganalisa regresi terhadap pemboleh ubah dan model regresi hanya akan menjelaskan pemboleh ubah yang signifikan sahaja di dalam model kajian (Chua 2012). Jadual 6 berikut menunjukkan hasil ujian analisis regresi pelbagai yang diperoleh.

**Jadual 6. Analisis regresi pelbagai bagi pemboleh ubah modal insan dan daya saing terhadap kejayaan usahawan wanita bumiputera**

Model	Pemboleh ubah	Beta	Sig	df	R <sup>2</sup>	$\Delta R^2$	F
1	Modal Insan	.564	.000*	1,282	.318	.318	131.409
2	Modal Insan	.407	.000*	2,281	.398	.080	92.815
	Daya Saing	.323	.000*				

\*p ≤ .05

Hasil keputusan analisis regresi pelbagai (Jadual 6) menunjukkan bahawa terdapat dua model yang terbentuk. Dengan terhasilnya dua model tersebut, analisa dibuat terhadap dua pemboleh ubah peramal iaitu modal insan dan daya saing, menggambarkan bahawa gabungan dua pemboleh ubah tersebut mampu untuk mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Bumiputera secara signifikan.

Secara lebih terperinci, model pertama iaitu regresi di antara satu pemboleh ubah (modal insan sahaja) dalam mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Bumiputera menunjukkan hasil dapatan yang signifikan [ $F(1,282) = 131.409, p < .05$ ] dan hasil regresi ini menunjukkan bahawa modal insan menyumbang sebanyak 31.8 peratus kepada perubahan varians (berdasarkan kepada nilai  $R^2 = .318$ ) terhadap kejayaan usahawan wanita Bumiputera. Justeru itu, hasil dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa modal insan merupakan aspek utama yang menyumbang kepada kejayaan pengusaha.

Bagi model kedua, iaitu kombinasi di antara modal insan dan daya saing dalam mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Bumiputera turut menunjukkan hasil dapatan yang signifikan ( $\beta = .323, p < .05$ ) dan [ $F(2,281) = 92.815, p < .05$ ]. Berdasarkan kepada perubahan nilai  $R^2 = .08$  menunjukkan bahawa pertambahan sebanyak 8 peratus perubahan varians berlaku dalam mempengaruhi kejayaan usahawan apabila terdapatnya kombinasi antara pemboleh ubah modal insan dan daya saing. Hal ini menjadikan keseluruhan perubahan varians dalam mempengaruhi kejayaan usahawan wanita adalah 39.8 peratus dan dapat dirumuskan bahawa kombinasi modal insan dan daya saing mampu untuk mempengaruhi hampir 40 peratus ke arah kejayaan usahawan wanita Bumiputera.

Seterusnya ujian dilakukan dengan memasukkan 7 faktor untuk analisis regresi pelbagai dilaksanakan, di mana 4 faktor adalah daripada faktor yang membentuk konstruk modal insan dan 3 faktor lagi adalah daripada faktor yang membentuk konstruk daya saing. Analisis regresi pelbagai menggunakan kaedah *step-wise* ini hanya menghasilkan model regresi yang memberikan hasil dapatan yang signifikan sahaja dalam kombinasi regresi yang dilakukan. Jadual 7 di bawah menunjukkan hasil analisis regresi pelbagai yang diperoleh:

Merujuk kepada Jadual 7 tersebut menunjukkan bahawa terdapat 5 model regresi yang terbentuk. Penghasilan 5 model ini bermaksud terdapat 5 kombinasi faktor yang signifikan dalam meramal kejayaan usahawan wanita Bumiputera berbanding 7 faktor yang dimasukkan di peringkat awal. Dengan kata lain, hanya 5 faktor sahaja iaitu faktor prasarana dan infrastruktur; pendidikan dan latihan; pengalaman perniagaan; bantuan kewangan dan kreativiti sahaja yang menyumbang kepada kejayaan usahawan wanita secara signifikan, manakala 2 faktor lagi iaitu faktor sokongan sosial dan iltizam perniagaan adalah tidak meramal kejayaan usahawan wanita secara signifikan.

**Jadual 7. Faktor-faktor modal insan dan daya saing ke arah kejayaan usahawan wanita bumiputera**

Model	Pemboleh ubah	Sig	df	R <sup>2</sup>	ΔR <sup>2</sup>	F
1	Prasarana & infrastruktur	.000*	1,282	.235	.235	86.753
2	Prasarana & infrastruktur	.000*	2,281	.393	.157	90.800
	Pendidikan & latihan	.000*				
3	Prasarana & infrastruktur	.000*	3,280	.445	.053	74.963
	Pendidikan & latihan	.000*				
	Pengalaman perniagaan	.000*				
4	Prasarana & infrastruktur	.000*	4,279	.470	.024	61.816
	Pendidikan & latihan	.000*				
	Pengalaman perniagaan	.000*				
	Bantuan kewangan	.000*				
5	Prasarana & infrastruktur	.000*	5,278	.490	.020	53.457
	Pendidikan & latihan	.000*				
	Pengalaman perniagaan	.000*				
	Bantuan kewangan	.001*				
	Kreativiti	.001*				

\*  $p \leq .05$

Secara terperinci, model regresi yang pertama menunjukkan bahawa faktor prasarana dan infrastruktur merupakan faktor terpenting dalam meramal kejayaan usahawan secara signifikan [ $F(1,282) = 86.753$ ,  $p < .05$ ]. Faktor prasarana dan infrastruktur ini merupakan penyumbang terbesar kepada kejayaan usahawan wanita Bumiputera berdasarkan kepada nilai ( $R^2 = .235$ ) iaitu bersamaan 23.5 peratus perubahan varians ke arah kejayaan usahawan wanita. Seterusnya kombinasi 2 faktor dalam model kedua iaitu faktor prasarana dan infrastruktur dengan faktor pendidikan dan latihan turut memberikan hasil dapatan yang signifikan [ $F(2,281) = 90.800$ ,  $p < .05$ ]. Kombinasi dua faktor tersebut memberikan pertambahan sebanyak 15.7 peratus ( $\Delta R^2 = .157$ ) perubahan varians kepada kejayaan usahawan wanita menjadikan potensi kejayaan usahawan meningkat kepada 39.3 peratus ( $R^2 = .393$ ).

Bagi model ketiga pula, analisis regresi turut menunjukkan hasil dapatan yang signifikan [ $F(3,280) = 74.963$ ,  $p < .05$ ] berasaskan kepada kombinasi tiga faktor dengan pertambahan faktor ketiga iaitu faktor pengalaman perniagaan. Kombinasi tiga faktor ini memberikan pertambahan varians sebanyak 5.3 peratus di mana nilai ( $\Delta R^2 = .053$ ) menjadikan 44.5 peratus  $R^2 = .445$ ). Model regresi yang keempat merupakan kombinasi faktor yang sebelumnya dengan faktor bantuan kewangan. Model ini juga turut menghasilkan dapatan yang signifikan [ $F(4,279) = 61.816$ ,  $p < .05$ ]. Pertambahan faktor bantuan kewangan ini meningkatkan potensi kejayaan usahawan wanita sebanyak 2.4 peratus ( $\Delta R^2 = .024$ ) menjadikan peluang kejayaan usahawan wanita secara keseluruhannya meningkat kepada 47 peratus ( $R^2 = .470$ ). Seterusnya model regresi yang terakhir adalah kombinasi 5 faktor dengan pertambahan faktor kreativiti di mana model ini turut menghasilkan dapatan yang signifikan [ $F(5,278) = 53.457$ ,  $p < .05$ ]. Dengan pertambahan faktor kreativiti menjadikan peluang kejayaan usahawan wanita dalam bidang yang diceburi meningkat keseluruhannya kepada 49 peratus ( $R^2 = .490$ ). Ini bermakna faktor kreativiti menyumbang sebanyak 2 peratus kepada perubahan varians kejayaan usahawan wanita dengan nilai ( $\Delta R^2 = .020$ ).

Justeru, secara keseluruhannya menunjukkan terdapat 5 faktor utama yang meramal kepada kejayaan usahawan wanita Bumiputera secara signifikan. 5 faktor ini mewakili konstruk modal insan dan daya saing. Selain dapatan daripada sudut kuantitatif yang diperolehi, temu bual bersama 8 informan utama turut menyatakan bahawa faktor-faktor yang membentuk dan menyumbang kepada kejayaan mereka adalah dari aspek modal insan dan daya saing seperti yang terlihat dalam Jadual 8. Kaedah temu bual ini adalah bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan kuantitatif dan menjelaskan hasil dapatan dengan lebih jelas dan terperinci.

**Jadual 8. Pembentukan tema analisis dapatan kualitatif (Modal insan dan daya saing)**

Tema asas	Responden	Petikan responden
Pendidikan dan latihan	R1 (2015)	<i>Pendidikan sangat penting. Tanpa pendidikan bagaimana hendak berkembang. Perlu mendapatkan ilmu sebagai usahawan dan dengan latihan akan mampu untuk berjaya dan berkongsi maklumat</i>
	R2 (2015)	<i>Tanpa pendidikan dan latihan, kestabilan perniagaan tidak mampu untuk diteruskan walaupun peniaga tersebut mempunyai pengalaman sebelumnya. Teknologi dan kehendak pelanggan perlukan pendidikan dan latihan</i>
	R8 (2016)	<i>Pendidikan dan latihan sangat penting. Ia adalah seiring bagi memenuhi keperluan masa kini</i>
Pengalaman perniagaan	R3 (2015)	<i>Pengalaman penting terutamanya dalam bidang jahitan dan butik pakaian.</i>
	R4 (2015)	<i>Pengalaman sebelum berniaga adalah penting untuk berjaya</i>
	R1 (2015)	<i>Pengalaman sebelum berniaga adalah perlu sebelum menceburkan diri dalam perniagaan</i>
Sokongan Sosial	R5 (2015)	<i>Sokongan daripada ahli keluarga terdekat seperti suami dan anak-anak perlu. Kalau tak ada sokongan, kita tidak akan mampu berjaya dan meneruskan perniagaan dengan baik</i>
	R6 (2015)	<i>Pihak MARA turut melibatkan pihak suami untuk menyertai seminar atau kursus yang ditawarkan kepada pihak isteri</i>
Kreativiti	R3 (2015)	<i>Kreativiti penting bagi menarik pelanggan berurusan dengan pengusaha</i>
	R4 (2015)	<i>Kreativiti penting bagi berurusan dengan pelanggan dan memastikan pelanggan berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan</i>
	R2 (2015)	<i>Kreativiti penting dalam aktiviti keusahawanan kerana tanpa kreativiti seseorang pengusaha itu akan ketinggalan</i>
Bantuan kewangan	R1 (2015)	<i>Bantuan kewangan daripada pihak kerajaan penting dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan.</i>
	R7 (2015)	<i>Bantuan kewangan turut penting dalam memastikan perniagaan yang diusahakan tersebut dapat berjalan dengan baik di samping menggunakan modal sendiri.</i>
	R5 (2015)	<i>Bantuan kewangan memang penting untuk berniaga.</i>
Iltizam perniagaan	R1 (2015)	<i>Minat dan strategi perniagaan penting bagi seseorang pengusaha dalam berniaga. Tanpa minat akan menjadikan perusahaan yang diusahakan tersebut tidak akan berjaya</i>
	R3 (2015)	<i>Pengurusan pemasaran perlu dalam perniagaan.</i>
Bantuan prasarana dan infrastruktur	R7 (2015)	<i>Peralatan yang sesuai seperti bantuan mesin-mesin dan peralatan kedai adalah diperlukan</i>
	R4 (2015)	<i>Memerlukan kedai yang mempunyai ruang masak dan makan yang berasingan</i>
	R5 (2015)	<i>Premis perniagaan yang strategik adalah sangat penting bagi seseorang pengusaha</i>

## Perbincangan

Hasil daripada ujian faktor analisis terhadap aspek modal insan mendapati keseluruhan item tersebut adalah bersih dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .755. Hasil dapatan kajian melalui faktor analisis yang dilakukan, telah menyumbang kepada pembentukan instrumen baru bagi faktor modal insan yang terdiri daripada 4 faktor utama iaitu pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, sokongan sosial dan juga kreativiti. Dalam kajian sebelum, kebanyakan pengkaji memberi tumpuan kepada pelaburan manusia dalam aspek persekolahan dan pendidikan tinggi. Artikel ini turut menekankan faktor pendidikan serta latihan kerana ia merupakan faktor modal insan yang perlu ditekankan. Bagaimanapun, faktor modal insan yang perlu diterapkan dalam kajian keusahawanan selain pendidikan dan latihan adalah faktor pengalaman yang kurang dibincangkan sebelumnya. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman seseorang dalam bidang yang diceburi seperti bidang keusahawanan mampu meningkatkan modal insan seseorang usahawan. Pengalaman seorang pengusaha mampu menjadikan seorang usahawan itu mampu berdaya saing dengan pengusaha lain.

Faktor sokongan sosial merupakan faktor modal insan yang dapat meningkatkan kejayaan pengusaha. Sokongan daripada pihak keluarga terdekat dalam sesebuah perusahaan mempengaruhi kecenderungan seseorang itu untuk terlibat dalam perusahaan dan seterusnya mampu untuk berjaya kerana perniagaan memerlukan komitmen dan mempertaruhkan tenaga dan masa mereka bersama keluarga. Selain itu, faktor kreativiti dalam kalangan pengusaha penting dalam aktiviti keusahawanan. Kreativiti diperlukan oleh seseorang pengusaha bagi memastikan kejayaan pengusaha dan mampu berdaya saing dalam persekitaran yang sihat. Dalam hubungan ini, kualiti manusia amat diperlukan untuk digemblengkan sebagai pencetus idea baru melalui pembangunan dan penyelidikan, inovasi dan kreativiti pengusaha.

Manakala, hasil daripada ujian faktor analisis terhadap aspek daya saing mendapati keseluruhan item tersebut tidak wujud pertindihan item dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .737 dengan menghasilkan 3 faktor iaitu bantuan kewangan, iltizam perniagaan serta prasarana dan infrastruktur. Dalam aktiviti keusahawanan, kemudahan prasarana dan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan memberi kesan yang positif ke arah perkembangan perusahaan. Justeru, peranan institusi adalah penting dalam meningkatkan daya saing pengusaha. Hasil dapatan kajian melalui faktor analisis yang dilakukan, telah menyumbang kepada pembentukan instrumen baru bagi faktor daya saing.

Di samping itu, kombinasi antara faktor modal insan dan daya saing juga menunjukkan sumbangan yang signifikan terhadap kejayaan usahawan. Ujian regresi pelbagai dilakukan bertujuan untuk melihat pengaruh pemboleh ubah peramal yang lebih daripada satu aspek terhadap pemboleh ubah bersandar. Ujian ini juga dilakukan bagi melihat faktor yang paling mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan ujian regresi yang dilakukan menunjukkan bahawa faktor prasarana dan infrastruktur merupakan faktor yang paling diutamakan oleh pengusaha wanita. Hasil daripada temu bual bersama informan utama turut mengakui bahawa aspek prasarana merupakan faktor yang penting terutamanya dalam penyediaan premis perniagaan yang bersesuaian dan strategik di samping peralatan mesin serta peralatan lain yang bersesuaian dengan jenis perniagaan. Penemuan ini memberi implikasi dasar yang penting khususnya kepada keperluan penyediaan infrastruktur dalam merangsang kejayaan usahawan.

Faktor kedua yang menyumbang kepada kejayaan pengusaha adalah faktor pendidikan dan latihan. Hasil dapatan menjelaskan pendidikan dan latihan adalah penting dalam menyumbang kejayaan seseorang usahawan dan diakui oleh informan yang mana mereka menyatakan dengan pendidikan dan latihan mampu meningkatkan daya kreativiti mereka dan dapat meningkatkan jaringan sosial apabila menyertai latihan yang dianjurkan. Seterusnya, penemuan kajian mendapati faktor ketiga yang menyumbang kepada kejayaan pengusaha adalah faktor pengalaman perniagaan. Pengalaman pengusaha menghasilkan hubungan yang positif sekiranya pengalaman yang dimiliki adalah bersesuaian dengan jenis perniagaan yang mereka usahakan.

Faktor keempat yang menyumbang kepada kejayaan usahawan wanita adalah faktor bantuan kewangan tetapi dalam peratusan yang kecil. Hasil dari temu bual juga menjelaskan bahawa pengusaha lebih memerlukan bantuan prasarana berbanding bantuan kewangan. Ini memandangkan kebanyakan pengusaha adalah memulakan perniagaan dengan menggunakan modal sendiri dan mendapat bantuan

keuangan awal daripada ahli keluarga terdekat. Manakala, faktor kelima yang menyumbang kepada kejayaan pengusaha adalah faktor kreativiti. Kreativiti pengusaha perlu bagi meningkatkan inovasi dalam perniagaan. Kombinasi setiap faktor dalam aspek modal insan dan daya saing menunjukkan pertambahan varians hampir 50 peratus kepada kejayaan pengusaha.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti bahawa terdapat beberapa faktor yang membentuk kepada aspek modal insan dan daya saing. Berdasarkan kombinasi setiap faktor tersebut menunjukkan bahawa faktor-faktor prasarana dan infrastruktur, pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan kreativiti adalah menyumbang dan mempengaruhi kepada kejayaan usahawan secara signifikan.

Hasil kajian ini adalah diharapkan akan dapat memberi pemahaman yang lebih luas tentang ilmu yang berkaitan dengan ekonomi politik dan keusahawanan serta peranan institusi dalam meningkatkan kejayaan usahawan dalam sektor PKS. Pemahaman ini akan dapat mewujudkan iklim dan persaingan yang sihat, adil serta kesamarataan antara gender serta kaum. Justeru, berdasarkan kepada hasil kajian ini, terdapat beberapa aspek yang boleh dikaitkan dengan bidang ekonomi politik dan analisis dasar yang seterusnya dapat meningkatkan tahap kejayaan usahawan dalam aktiviti keusahawanan. Peranan institusi penting sebagai faktor luaran yang mampu untuk menyumbang kepada kejayaan pengusaha di samping faktor dalaman seperti modal insan dan daya saing.

## Rujukan

- Becker GS (1964) *Human Capital*. National Bureau of Economic Research (NBER), New York.
- Bruwer J De W, Haydam NE (1996) Human Capital Investment: Higher Educational and on the Job Training of the Marketing Practitioner. *South African Journal of Business Management* 27, 1-8.
- Carlson JM, Hyde MS (2003) *Doing Empirical Political Research*. Houghton Mifflin, London.
- Chua Yan Piaw (2012) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Edisi Kedua*. McGraw Hill, Malaysia.
- Coulter M (2003) *Entrepreneurship in Action*. Prentice Hall, New Jersey.
- Fairlie RW, Robb A (2007) Why a Black-Owned Business Less Successful Than White-Owned Business? The Role of Families, Inheritances and Business Human Capital. *Journal of Labor Economics* 25(2), 289-323.
- Fernandez E, Mauro P (2000) The role of Human Capital in Economic Growth: The Case of Spain. IMF Working Paper. Wp/1000/8: 1-27.
- Garcia MU (2005) Training and Business Performance: The Spanish Case. *International Journal of Human Resources Management* 16(9), 1961-1710.
- Green GP, Haines A (2012) *Asset building and community development* (3rd ed.). Sage publications.
- Hansen P, Knowles S (1997) Human Capital and Return to Scale. *Journal of Economic Studies* 25, 118-123.
- Hewlett R (2002) Integrating Human Capital Concepts in Productivity and Growth Topics. *Journal of Management Research* 2(1), 26-34.
- Ishak Yussof (2003) Pelaburan Pendidikan Tinggi: Analisis Perbandingan IPTA-IPTS di Malaysia. *Journal Pendidikan* 28, 33-46.
- Krejcie RV, Morgan DW (1970) Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30, 607-610.
- Lynch IM (1991) The Role of Off-the-job Training Versus On-the-job Training for the Mobility of Women Workers. *American Economic Review* 81(2), 151-156.

- Mohd Nor Hakim Yusoff, Mohd Rafi Yaacob (2010) *Memula dan Mengurus Perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (Perniagaan Kecil dan Sederhana)*, Cetakan Pertama. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Nor Hidayad Hambali (2011) *Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor*. (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia.
- Nedrum L, Erikson T (2001) Intellectual Capital: A Human Capital Perspective. *Journal of Intellectual Capital* 2(2), 127-135.
- Noor Zalika Mahmad Zuki (2013) *Cabaran dan Halangan Membangunkan Usahawan Bumiputera Berjaya*. Kedah.
- Norain Mat Lazim, Nooriah Yusof (2012) Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7 (2). UKM.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman, Noraisah Buang (2009) Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 187-204.
- Raduan Che Rose, Kumar, Naresh, Lim Li Yen (2006) Entrepreneur success factors and escalation of small and medium-sized enterprises in Malaysia. *Journal of Social Sciences* 2(3), 74-80.
- Rahmah Ismail (2012) *Modal Manusia Dalam Pembangunan Ekonomi Memacu Produktiviti dan Daya Saing*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rosman Mahmood, Mohd Rosli Mohamad (2011) *Perusahaan Kecil dan Dilema Usahawan Melayu*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Schultz TW (1960) Investment in Human Capital. *American Economic Review* 51 (1), 1-17.
- Suraiya Ishak, Ahmad Rafli Che Omar (2015) Keusahawanan Sosial sebagai Satu Pendekatan Inovatif ke Arah Transformasi Sosial Masyarakat: Kajian Kes di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11(8), 38-51.
- Van Loo JB, Rocco TS (2004) Continuing Professional Education and Human Capital Theory. Online Submission, Paper presented at the Academy of Human Resource Development International Conference (AHRD), Austin, TX, Mar 3-7. pp.98-105.
- Yahaya Ibrahim, Norsiah Ahmad (2006) Keusahawanan dan Daya Saing Usahawan Melayu di Sektor Pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu* 17, 16-33.

#### **Temu bual bersemuka:**

- Pengarah MARA Melaka Tengah, 6 Mac 2015.
- Pegawai MARA Daerah, 18 Oktober 2015.
- Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan MARA 9 Disember 2015.
- Nor Tailor, 25 Mac 2015.
- Kedai minuman panas dan sejuk, 25 Mac 2015.
- My Licious Enterprise, 25 Mac 2015.
- DikTah Enterprises*, 14 Oktober 2015.
- Puncak Hallaj, 18 November 2015.